

13 Januari 2018

Farid Kamil direman empat hari

Suami Diana Danielle disiasat cederakan polis, salah guna dadah dan ganggu penjawat awam
Farid Kamil direman empat hari

Berita Selebriti
Oleh AQMAR ALLADAD

PETALING JAYA – Pelakon dan pengarah filem popular, Datuk Farid Kamil Zahari yang merupakan suami kepada aktris Datin Diana Danielle ditahan reman empat hari bagi membantu siasatan berhubung empat kes jenayah yang didakwa berlaku di Balai Polis Kota Damansara di sini kelmarin.

Perintah reman itu dibenarkan Majistret Zaki Asyraf Zubir terhadap pelakon berusia 37 tahun itu bermula semalam sehingga 15 Januari ini.

Empat kes dihadapi Farid ialah mendatangkan kecederaan yang disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, menampar polis disiasat mengikut Seksyen 90 Akta Polis 1967, penggunaan dadah disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan mengganggu tugas penjawat awam disiasat mengikut Seksyen 353 Kanun Keseksaan.

Seksyen 323 memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya; Seksyen 90 Akta Polis 1967 membawa hukuman denda tidak lebih RM500 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya; Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan hukuman penjara



DIANA

Pelakon popular Farid Kamil ditahan kerana tampar polis trafik



KERATAN *Kosmo!* semalam.



BALAI Polis Kota Damansara, lokasi Farid didakwa bertindak agresif terhadap anggota polis dan orang awam.



WAJAH Farid ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya bagi mendapatkan perintah reman.



SELEBRITI Farid Kamil dibawa ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya semalam bagi mendapatkan perintah reman.

maksimum dua tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya dan Seksyen 353 memperuntukkan hukuman penjara dua tahun atau denda.

Terdahulu, hero filem *Lagenda Budak Setan* dan *V3 Samseng Jalanan* itu yang memakai baju lokap dengan diiringi anggota polis dibawa memasuki kamar mahkamah pada pukul 10.35 pagi untuk prosiding reman.

Prosiding itu mengambil masa 15 minit sebelum pelakon itu

dibawa keluar pada pukul 10.50 pagi. Sebelum itu, Farid yang pernah membintangi filem *Pinjaman Hatiku* tiba di mahkamah dengan menaiki trak polis pada pukul 10.07 pagi.

Farid kelihatan tenang dan hanya mengukir senyuman sepanjang diiringi anggota polis. Namun, ketika dibawa untuk prosiding reman, pelakon itu menutup mukanya dengan jaket berwarna biru.

Pekarangan Mahkamah Ma-

Jistret Petaling Jaya dipenuhi wartawan seawal pukul 8 pagi bagi menanti kehadiran pelakon itu. Turut kelihatan di mahkamah ialah adik Farid iaitu Fadzil Zahari yang merupakan suami kepada pelakon Yana Samsudin.

Bagaimanapun, Diana dan ahli keluarga mertua Farid tidak kelihatan.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, pelakon terbabit dibawa oleh seorang lelaki ke Balai Polis Kota Damansara untuk membuat aduan berkaitan satu kemalangan jalan raya.

Bagaimanapun, ketika berurusan di kaunter balai polis terbabit, pelakon berkenaan secara tiba-tiba menampar muka polis lelaki yang menerima aduan itu selain menendang dua orang awam yang berada di kaunter balai polis tersebut.

Pelakon itu juga bertindak aneh sekali lagi apabila menunjukkan paparan mesej pada telefon bimbitnya yang tertera 300 artis didakwa meminjam dengan ah long kerana tiada kerja.